



PM diperkenalkan kepada dif2 oleh Dr. Lim

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad diperkenalkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu (kanan sekali) kepada barisan orang-orang kenamaan negeri itu sejurus selepas rombongan Perdana Menteri mendarat di pulau tersebut dengan sebuah kapal terbang ekskutif jam 9 pagi semalam.

Perdana Menteri juga diperkenalkan kepada Yang DiPertua Dewan Undangan Negeri, Datuk Hassan Noh, Hakim Mahkamah Tinggi Negeri, Datuk Gunn Chit Tuan, para ADUN Negeri dan anggota misi diplomatik yang berpejabat di Pulau Pinang. — Gambar Berita Harian.